

# Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan

pada 30 November 2013



924363-W

**KANDUNGAN**

- 2 Mesej Ketua Pegawai Eksekutif
- 3 - 6 Tinjauan pasaran bagi tahun berakhir 30 November 2013
- 7 - 12 Jadual Perbandingan Prestasi
- 13 - 16 Butir-butir Pelaburan
- 17 Kenyataan dari Pengurus
- 18 - 19 Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil
- 20 - 21 Penyata Aset dan Liabiliti
- 22 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 23 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24 - 27 Nota kepada Maklumat Kewangan

924363-W

**MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

31 Mac 2014

Pemegang Sijil Yang Dihargai,  
Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Dalam usaha kami yang berterusan untuk memenuhi keperluan simpanan jangka panjang Pemegang-pemegang Sijil kami, kami komited untuk melaksanakan penyelesaian yang tepat bagi memenuhi keperluan kehidupan sebenar pelanggan-pelanggan kami. Ketika kami berterusan memberi tumpuan terhadap pengurusan berhemah ke atas pelaburan anda, sasaran kami ialah untuk memastikan anda mendapat maklumat yang jelas, terkini dan relevan bagi membantu anda membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat. Oleh itu saya dengan sukaritanya ingin membentangkan Laporan Tahunan Dana Berkaitan-Pelaburan 2013 kami.

Pada tahun lalu, bursa tempatan mengalami ketidaktentuan mendadak disebabkan keimbangan terhadap pilihanraya pada awal 2013, keimbangan terhadap dasar Pelonggaran Kuantitatif (QE) AS dan kemerosotan asas-asas beberapa ekonomi baru muncul yang utama. Walaupun begitu, ekuiti-ekuiti tempatan telah menyaksikan sekali lagi prestasi yang memecahkan rekod dengan indeks FBM Shariah ditutup tinggi pada 12,734.2 mata, menokok sebanyak 16.2 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Kami dengan sukaritanya ingin memaklumkan bahawa A-Dana Equity Fund telah mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.93 peratus berbanding penanda aras 16.22 peratus. A-Dana Income Fund juga menunjukkan pertumbuhan sihat sebanyak 2.86 peratus berbanding penanda aras 3.24 peratus. Bagi A-DALI Equity Fund, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 10.80 peratus berbanding penanda aras 16.29 peratus sejak pelancaran pada Januari 2013.

Berikutnya dengan pembentukan AIA Malaysia yang baru pada 17 Jun 2013, kami dengan sukaritanya ingin mengumumkan satu lagi pencapaian penting bagi AIA di Malaysia. Berkuatkuasa 1 Mac 2014, perniagaan dan operasi Takaful AIA AFG Takaful Bhd. dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (*dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad*) telah digabungkan di bawah satu lesen Takaful dan kini dikenali sebagai AIA PUBLIC.

Kami percaya dengan penyatuan di bawah satu lesen kedua-dua entiti Takaful ini akan memacu pertumbuhan perniagaan Takaful kami di Malaysia dan membantu kami untuk mencapai wawasan menjadi Operator Takaful #1 di Malaysia. Dengan penyatuan ini, kami kini mempunyai asas yang tepat untuk mengembangkan perniagaan kami dan kami akan terus memberi tumpuan untuk memperluaskan rangkaian pelbagai-pengedaran kami, di samping menawarkan penyelesaian Takaful Keluarga yang lebih inovatif.

Bagi pihak pengurusan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesetiaan dan sokongan anda yang berterusan. Kami melihat kehadapan untuk berkhidmat dengan lebih baik lagi ketika kami berusaha untuk memacu kecemerlangan dalam tahun 2014.

Yang benar,

Wan Azman Wan Mamat  
Chief Executive Officer

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013****1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan****Tinjauan Pasaran**

Tahun 2013 menyaksikan sekali lagi prestasi yang memecah rekod dengan Indeks FBM Syariah ditutup tinggi pada 12,734.2 mata, menokok kepada 16.2% berbanding tahun sebelumnya. Rekod penutupan ini dicapai selepas pertarungan di antara kuasa kenaikan dan penurunan semasa tahun tersebut.

Semasa tahun tersebut, bursa tempatan mengalami ketidaktentuan mendadak disebabkan keimbangan terhadap pilihanraya umum pada awal 2013 di samping keimbangan terhadap dasar pelonggaran kuantitatif (QE) AS dan kemerosotan asas-asas beberapa ekonomi baru muncul yang utama. Walaupun begitu, FBM Syariah mencatatkan peningkat sebanyak 16.2% bagi tahun kewangan, terima kasih kepada sokongan kukuh institusi tempatan, minat yang padu dalam sektor minyak & gas, pengurangan dalam risiko politik, langkah proaktif kerajaan untuk mengatasi defisit belanjawan Malaysia, pemulihan ekonomi global dan penarafan semula konglomerat gergasi, Tenaga Nasional yang memperolehi purata kenaikan tarif 15%.

**Pemacu Utama Pasaran:****Positive**

- Keputusan Pilihanraya Umum ke 13 dan Pemilihan UMNO, yang menyaksikan tiada perubahan besar, memastikan polisi kekal sekurang-kurangnya sehingga 2017/2018.
- Kerajaan Malaysia melaksanakan komitmen yang tinggi terhadap pembaharuan fiskal di dalam Belanjawan 2014 yang dibentangkan di Parlimen pada 25 Oktober 2013. Ini termasuklah perlaksanaan 6% cukai barang dan perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015 bagi memperluaskan asas cukainya dan pada masa yang sama memotong subsidi bagi mengurangkan perbelanjaan pengurusan dengan matlamat untuk mengurangkan lagi defisit fiskal kepada 3.5% dari KDNK dalam 2014. Rasionalisasi subsidi ini termasuklah menghapuskan subsidi gula; peningkatan harga petrol 20 sen dan purata 14% kenaikan tarif elektrik.
- Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), terdapat sejumlah 196 projek dengan komitmen pelaburan berjumlah RM219.3 bilion dalam 2011-2013.
- Petronas telah menganugerahkan sekitar RM40bn nilai kontrak, di mana RM10bn setiap satunya untuk perkhidmatan hook-up, penugasan dan penyelenggaraan (HUC) serta pakej pengangkutan dan pemasangan (T&I) kepada penyedia perkhidmatan minyak dan gas domestik.
- Penswastaan MBF Holdings, Tradewinds (M) Bhd, Tradewinds Plantations dan Padiberas Nasional.
- Moody meningkatkan penarafan hutang luar Malaysia kepada 'positif' dari 'stabil'.
- Pelonggaran kuantitatif besar-besaran oleh Bank of Japan yang digerakkan oleh perdana menterinya yang baru, Shinzo Abe mencetuskan pemulihan ekonomi di Jepun. China mengelakkan pendaratan sukar ekonomi, Euro bergerak keluar dari kemelesetan sementara pemulihan ekonomi AS mengumpul momentum.
- Penutupan sebahagian dari operasi kerajaan AS untuk 16 hari dari 1-16 Oktober telah diselesaikan dengan pantas dan mengelakkan kerosakan yang ketara terhadap ekonomi AS.
- Tindakan ketenteraan AS di Syria telah dielakkan.
- Janet Yellen telah dicalonkan sebagai pengganti kepada Ben Bernanke sebagai pengurus Rizab Persekutuan AS. Beliau secara meluasnya dijangka akan meneruskan polisi kewangan yang longgar.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)****1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (sambungan)****Pemacu Utama Pasaran: (sambungan)****Negatif**

- Kebimbangan pilihanraya pada permulaan tahun sehingga awal Mac 13.
- Purata harga MSM bagi 2013 ialah RM2,368 setan berbanding RM2,858 setan dalam 2013.
- Saham harta tanah terjejas disebabkan langkah kerajaan Malaysia untuk mengekang spekulasi menerusi peningkatan RPGT (30%) dan penghapusan Skim Faedah Pemaju Tertangguh ("DIBS").
- Fitch Rating Agency menurunkan prospek hutang luar Malaysia kepada negatif dari stabil pada 30 Julai 2012 oleh kerana pembiayaan awam yang rendah dan kurangnya langkah-langkah untuk mengatasinya.
- Rizab Persekutuan AS memberi isyarat tentang hasratnya untuk mengurangkan AS85bn pembelian aset bulanan pada Mei 2013 yang menyebabkan aliran keluar asing yang melemahkan matawang dan menyebabkan kenaikan kadar faedah di India dan Indonesia. Fed akhirnya mengumumkan pengurangan sederhana USD10bn terhadap sokongannya kepada USD75bn menjelang akhir tahun.
- Defisit berkembar yang dialami oleh pasaran serantau khususnya Indonesia dan India serta Malaysia menyempitkan lebahan akaun semasa dan seterusnya mencetuskan aliran keluar asing.
- Langkah-langkah oleh kerajaan China dalam 1H13 bagi membendung peningkatan harga harta tanah di kawasan bandar telah menjasakan sentimen pelabur.
- Kebimbangan pendaratan sukar dalam ekonomi China dengan mengambil kira ketidakseimbangan ekonomi dan dasar yang ketat.

**Pandangan Masa Depan Pasaran**

Bagi 2014, kami kekal berhati-hati tetapi optimistik tentang pasaran saham didokong oleh jangkaan pemulihan ekonomi di negara maju yang akan mendorong eksport di pasaran baru muncul seperti Malaysia. Kami menjangka pasaran akan mengalami ketidaktentuan sementara pulangan dari pasaran ekuiti diunjurkan pada satu digit dengan mengambil kira pertumbuhan ekonomi di bawah par di sebalik pemulihan, pertumbuhan di China yang perlahan, aliran keluar dana asing ketika QE tapering mengumpul momentum sementara krisis hutang Eropah masih belum pulih sepenuhnya.

Oleh kerana QE tapering hanya menanti masa, risiko pembalikan aliran modal jangka pendek dari pasaran baru muncul kepada pasaran maju mungkin berulang sepetimana yang disaksikan pada Julai hingga Ogos 2013, tetapi tidak berpanjangan oleh kerana pegangan asing di dalam pasaran ekuiti tempatan hanya sedikit di atas 22%, tidak jauh dari paras terendah 20% yang direkodkan semasa krisis Lehman.

Untuk masa depan pasaran tempatan pula, KLCI telah ditutup pada paras tertinggi dalam sejarah, pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan, peningkatan kos sara hidup dan menjalankan perniagaan serta kemungkinan kenaikan kadar faedah adalah angin sakal kepada pasaran ekuiti untuk bergerak lebih tinggi.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)****1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (sambungan)****Pemangkin Jangka Panjang**

- Defisit belanjawan fiskal dan lebihan dagangan yang bertambah baik, mengelakkan penurunan penarafan dan mencegah penurunan penarafan hutang luar dan kejatuhan mendadak Ringgit.
- Kepantasan dalam perlaksanaan Program Transformasi Ekonomi ("ETP") dan Perkongsian Awam-Swasta ("PPP") dijangka meningkatkan pertumbuhan KDNK, contohnya sambungan LRT, projek MRT, Keretapi Berkelajuan Tinggi, penyimpanan minyak Pengerang dan pembangunan Iskandar.
- Kedua-dua Pilihanraya Umum dan Pemilihan UMNO kini telah berlalu dan Kerajaan boleh menumpukan perhatian dalam melaksanakan pembaharuan ekonomi dan meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan mapan.
- Program transformasi besar-besaran dalam sidang Pleno Ketiga China akan membawa China ke arah ekonomi yang lebih stabil dan kukuh.
- Strategi pertumbuhan 'Third Arrow' Abenomics dijangka akan membantu pertumbuhan mapan ekonomi Jepun.

**Kebimbangan**

- Risiko perlaksanaan terhadap program pembaharuan utama seperti perlaksanaan GST dan pemotongan subsidi jika tekanan politik semakin meningkat.
- Pertumbuhan ekonomi global di bawah par.
- Indeks FBM Syariah telah mencapai paras tertingginya dan menjadikan ia terdedah kepada pembetulan.
- Bank Negara mungkin meningkatkan kadar faedah jika pertumbuhan lebih baik dari jangkaan
- Pemotongan subsidi dan perlaksanaan GST mungkin menjelaskan permintaan pengguna dan kos menjalankan perniagaan.
- Risiko kebuntuan fiskal di AS dalam 1Q14.
- Krisis hutang Euro masih belum pulih sepenuhnya.
- China mungkin mengalami ketidakpastian dasar dalam jangka masa pendek ketika ia beralih kepada ekonomi baru sepetimana yang digariskan dalam sidang Pleno Ketiga baru-baru ini.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)****2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan****Keadaan ekonomi, peristiwa dan pasaran kewangan yang memberi kesan terhadap Dana:**

- **Pilihanraya**  
Malaysia telah mengadakan pilihanraya umum pada Mei. Penjawat kini telah kembali berkuasa dan ini menghapuskan ketidakpastian politik yang telah menyelubungi prospek bagi pasaran Malaysia. Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") menjelaki rali dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") yang menyaksikan keluk hasil GII mendatar dengan ketara.
- **Tapering**  
Salah satu peristiwa penting dalam tahun ini ialah pengumuman oleh Rizab Persekutuan AS bahawa ia akan mengurangkan pembelian bon, yang dikenali sebagai 'tapering' menerusi program Pelonggaran Kuantitatifnya. Pasaran bertindak negatif apabila Pengerusi Fed membayangkan bahawa pengurangan pertama mungkin berlaku seawal September. GII jangka panjang mula meningkat naik dari paras terendah yang direkodkan selepas pilihanraya dan menyebabkan keluk GII semakin curam.

Sepetimana yang dijangka, kebimbangan terhadap berkurangnya kecairan menyebabkan pemilikan asing dalam sekuriti Kerajaan Malaysia jatuh dari 48% pada Mei kepada 41% pada Julai.

Walaupun begitu, 'tapering' tidak berlaku pada September sepertimana yang dijangkakan secara meluas kerana Fed memutuskan untuk menunggu lebih banyak bukti yang menunjukkan kemajuan ekonomi boleh dikekalkan. Ini membawa kepada rali pendek dalam bon, oleh kerana pemain pasaran menyedari bahawa permulaan tapering hanya bergantung kepada masa.

- **Perubahan penarafan hutang luar dan belanjawan**  
Pada Julai, Fitch Ratings menurunkan prospek penarafan ke atas hutang luar Malaysia kepada negatif dari stabil kerana ia dikatakan 'prospek bagi pembaharuan belanjawan dan penyatuan fiskal bagi mengatasi kelemahan dalam pembiayaan awam semakin bertambah buruk'. Ini menambah kepada sentimen berhati-hati yang sedia wujud di dalam pasaran berikutnya bayangan QE dan 10 tahun MGS meningkat sehingga 4.13%. Pegangan asing yang tinggi di dalam pasaran MGS menambah kebimbangan terhadap aliran keluar.

Kebimbangan yang ditimbulkan oleh Fitch telah cuba ditangani di dalam belanjawan Kerajaan, di mana kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah penyatuan fiskal seperti pengurangan subsidi dan memperkenalkan GST. Kerajaan berkata ia merancang untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.5% dari KDNK dalam 2014 berbanding 4.0% dari KDNK dalam tahun 2013.

Berikutan dengan itu, pada bulan November, Moody menukar prospek penarafan Malaysia kepada positif. Menurut agensi penarafan tersebut, perubahan disebabkan oleh prospek yang semakin baik bagi penyatuan fiskal dan pembaharuan dan kestabilan makroekonomi yang berterusan. Walaubagaimanapun, ia gagal untuk meningkatkan harga MGS lebih tinggi kerana pemain pasaran terus menurun dan melihat kepada data luaran yang disiarkan sebagai panduan. Kebimbangan terhadap inflasi disebabkan oleh pengurangan subsidi juga menyebabkan kejatuhan.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI****01. A-DANA INCOME FUND**

Bagi tahun fiskal 2013, atas nilai bersih, pulangan Dana 2.86% berbanding penanda aras 3.24%. Sejak pelancaran (1 Mac 2011), Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 5.28% berbanding penanda aras 3.22%.

Pulangan Tahunan (%) - 1 Tahun	30 Nov 2013	30 Nov 2012	30 Nov 2011*	Sejak Pelancaran
A-Dana Income	2.86%	6.67%	5.00%	5.28%
Kadar 12 bulan Akaun Pelaburan Am ("GIA-I") Maybank	3.24%	3.25%	2.36%	3.22%

\* Tempoh kurang dari 1 tahun, pulangan terkumpul dibentangkan

**Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana semasa tahun tersebut?****Positif**

- Kecenderungan Dana terhadap sukuk korporat berbanding GII menyumbang kepada pulangan disebabkan hasilnya yang lebih tinggi. Di samping itu, hasil sukuk korporat secara relatifnya lebih stabil berbanding GII menyebabkan berkurangnya ketidaktentuan pulangan.

**Negative**

- Pegangan portfolio ke atas beberapa sukuk jangka panjang telah memberi kesan negatif terhadap prestasi Dana di dalam persekitaran kadar yang meningkat.

**Apakah pandangan kami untuk masa depan?**

Kami fikir tahun mendatang akan memberi cabaran bagi pasaran pendapatan tetap, dengan peningkatan inflasi dan kecenderungan terhadap aset berisiko. Pertumbuhan ekonomi di pasaran maju mendapat tarikan dan sementara permintaan domestik mungkin terjejas disebabkan peningkatan kos sara hidup dan hutang isi rumah, pertumbuhan di luar negara akan membantu pengeksport Malaysia. Infrastruktur besar-besaran dipacu kerajaan yang sedang berjalan juga akan membantu sepertimana yang kita saksikan dalam tahun 2013; Pertumbuhan ekonomi yang sihat adalah positif bagi mutu kredit dan seterusnya, pasaran sukuk korporat. Walaupun Rizab Persekutuan AS telah mengumumkan bahawa tapering akan bermula pada Januari 2014, pasaran telah mengambil langkah dan menyedari bahawa polisi kewangan kekal akomodatif.


Di tengah-tengah prospek keluk hasil curam, Dana akan melabur di dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana serta sukuk korporat bergred tinggi yang menawarkan nilai relatifnya baik bagi hasil yang lebih baik di samping meminimumkan risiko jangka masa.

**Apakah perubahan, jika ada, di dalam objektif pelaburan Dana atau perwatakan risiko?**

AIA Dana Income Fund terus tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan yang mengandungi kedua-dua pendapatan dan pertumbuhan modal terutamanya melabur dalam bon Islamik gred pelaburan (sukuk) dan instrumen pasaran kewangan Islam di Malaysia di samping meminimumkan risiko pelaburan semula.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)****01. A-DANA INCOME FUND (SAMBUNGAN)**

Perkhidmatan Kewangan	25%
Tunai dan Lain-lain	5%
Pembinaan & Kejuruteraan	8%
Produk Pengguna	8%
Infrastruktur & Utiliti	38%
Perlادangan dan Pertanian	5%
Hartanah	11%

**Pecahan sektor pada 30 November:**

Kategori/Sektor	2013	2012	2011
Perkhidmatan Kewangan	25%	0%	0%
Tunai dan Lain-lain	5%	13%	14%
Pembinaan & Kejuruteraan	8%	4%	5%
Produk Pengguna	8%	9%	12%
Kerajaan	0%	1%	21%
Infrastruktur & Utiliti	38%	65%	40%
Perlادangan dan Pertanian	5%	0%	0%
Hartanah	11%	8%	8%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

**Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")**

	30 Nov 2013	30 Nov 2012	30 Nov 2011
Jumlah NAV (RM)	12,892,832	10,971,581	8,761,039
Bilangan Unit-unit	22,357,076	19,559,111	16,624,840
NAV/unit (RM)	0.577	0.561	0.527
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.578	0.561	0.527
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.559	0.525	0.500
Caj:			
- Yuran Audit (RM)	5,500	5,000	5,000
- Cukai %	8	8	8

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)****02. A-DANA EQUITY FUND**

Bagi tahun fiskal 2013, atas asas bersih, pulangan Dana 19.93% berbanding penanda aras 16.22%. Sejak pelancaran pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 10.37% berbanding penanda aras 9.01%.

Pulangan Tahunan (%) - 1 Tahun	30 Nov 2013	30 Nov 2012	30 Nov 2011*	Sejak Pelancaran
A-Dana Equity	19.93%	9.40%	0.00%	10.37%
Indeks EMAS Shariah				
FTSE Bursa Malaysia	16.22%	11.30%	-1.53%	9.01%

\* Tempoh kurang dari 1 tahun, pulangan terkumpul dibentangkan

**Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?****Positif**

- Dana berwajaran tinggi dalam saham bermodal kecil hingga sederhana seperti Pestariang, Yinson, Syarikat Takaful Malaysia, Kossan dan Hua Yang.
- Penyertaan Dana dalam Tawaran Awam Permulaan seperti Matrix Concepts dan UMW Oil & Gas telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam sektor kitaran seperti hartanah, minyak & gas, pembinaan dan teknologi telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi, pengguna dan perladangan adalah di bawah prestasi.

**Negatif**

- Penyertaan Dana dalam IPO seperti Airasia X adalah di bawah prestasi.
- Dana telah terkurang labur dengan pendedahan ekuiti sebanyak 85% sebelum pilihanraya dan terlepas rali selepas pilihanraya.

**Apakah strategi kami bagi masa hadapan?**


Dengan jangkaan pertumbuhan global yang serentak, kami lebih cenderung kepada stok pertumbuhan berbanding stok hasil dengan tumpuan ke atas syarikat dengan prospek pertumbuhan yang baik, margin keuntungan yang bersesuaian, aliran tunai yang kukuh, kunci kira-kira dan penilaian yang bersesuaian. Kami juga memilih pengeksport didokong oleh pemulihan dalam eksport global dan dollar AS yang kukuh. Oleh itu, kami memilih stok dalam sektor kitaran seperti minyak & gas, stok hartanah terpilih, pembinaan dan teknologi.

**Apakah perubahan, jika ada yang kami telah lakukan dalam objektif pelaburan Dana atau perwatakan risiko?**

AIA Dana Equity Fund akan terus mencari pertumbuhan jangka sederhana hingga panjang ke atas modal dan pendapatan dengan melabur di dalam ekuiti diluluskan Shariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) dan sekuriti berkaitan ekuiti tersenarai di Bursa Malaysia.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)****02. A-DANA EQUITY FUND (SAMBUNGAN)**

Tunai dan Lain-lain	4%
Pembinaan	6%
Produk Pengguna	3%
Perkhidmatan Kewangan	5%
Produk Perindustrian	9%
Syarikat Projek Infrastruktur	6%
Perlادangan	8%
Hartanah	7%
Teknologi	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	50%

Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2013	2012	2011
Tunai dan Lain-lain	4%	4%	49%
Pembinaan	6%	9%	3%
Produk Pengguna	3%	10%	2%
Perkhidmatan Kewangan	5%	0%	0%
Produk Perindustrian	9%	13%	4%
Syarikat Projek Infrastruktur	6%	8%	4%
Perlادangan	8%	6%	6%
Hartanah	7%	3%	2%
REIT	0%	2%	2%
Teknologi	2%	0%	0%
Perdagangan/Perkhidmatan	50%	45%	28%
<b>TOTAL</b>	100%	100%	100%

**Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")**

	30 Nov 2013	30 Nov 2012	30 Nov 2011
Jumlah NAV (RM)	17,804,022	9,811,300	5,393,487
Bilangan Unit-unit	27,127,605	17,904,878	10,705,000
NAV/unit (RM)	0.656	0.548	0.504
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.656	0.578	0.539
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.537	0.498	0.472
Caj:			
- Yuran Audit (RM)	5,500	5,000	5,000
- Cukai %	8	8	8

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)****03. A-DALI EQUITY FUND**

Sejak pelancaran pada 08 Januari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 10.80% berbanding penanda aras 16.29%.

Pulangan Tahunan (%) - 1 Tahun	30 Nov 2013*	Sejak Pelancaran
*A-Dali Equity	10.80%	10.80%
Indeks Syariah FTSE		
Bursa Malaysia	16.29%	16.29%

\* Tempoh kurang dari 1 tahun, pulangan terkumpul dibentangkan

**Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?***Positif*

- Dana berwajaran tinggi di dalam Tenaga Nasional, UMW Oil & Gas, Dayang dan Perisai Petroleum telah menyumbang secara positif kepada prestasi Dana.
- Dana berwajaran tinggi di dalam sektor minyak & gas dan kewangan sepanjang 2013 menyumbang secara positif kepada prestasi Dana.
- Dana sedikit berwajaran rendah di dalam sektor utiliti juga telah menyumbang secara positif kepada prestasi Dana.

*Negatif*

- Dana berwajaran tinggi di dalam Syarikat Takaful Malaysia, Time dotCom Bhd, Kumpulan Perangsang Selangor dan Pos Malaysia telah menyumbang secara negatif kepada prestasi Dana.
- Dana berwajaran rendah di dalam IOI Corp, Telekom Malaysia, SapuraKencana Petroleum dan PPB Group juga menyumbang secara negatif kepada prestasi.

**Apakah strategi kami bagi masa hadapan?**


Kami telah mengurangkan wajaran dalam saham yang kelihatan "telah diperelokkan" ke paras terlebih nilai, dan menggantikan dengan saham dengan penilaian yang munasabah dan berpotensi meningkatkan perolehan. Dari segi sektor, kami berwajaran rendah dalam Bank-Bank dan berwajaran tinggi dalam Telekomunikasi dan menyusun semula kedudukan portfolio untuk Ringgit yang lebih lemah

**Apakah perubahan, jika ada yang telah kami lakukan di dalam objektif pelaburan Dana atau perwatakan risiko?**

A-Dali Equity Fund terus mencari pertumbuhan jangka panjang modal dan pendapatan menerusi kepelbagai portfolio ekuiti

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)****03. A-DALI EQUITY FUND (SAMBUNGAN)**

Tunai dan Lain-lain	2%
Dana Mutual	98%

Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2013	2012	2011
Tunai dan Lain-lain	2%	-	-
Dana Mutual	98%	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	-	-

**Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")**

	30 Nov 2013	30 Nov 2012	30 Nov 2011
Jumlah NAV (RM)	615,762	-	-
Bilangan Unit-unit	1,111,233	-	-
NAV/unit (RM)	0.554	-	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.554	-	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.492	-	-
Caj:			
- Yuran Audit (RM)	5,500	-	-
- Cukai %	8	-	-

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**BUTIR-BUTIR PELABURAN**

## 01. A-DANA INCOME FUND

## SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
1,000,000	BERNAS	AA3	1,004,050	1,001,100	7.76%
867,723	BINARIANG GSM	A2	906,033	865,814	6.72%
760,000	CAGAMAS BERHAD	AAA	760,000	758,024	5.88%
400,000	CIMB ISLAMIC BANK	AA+is	438,500	427,960	3.32%
1,000,000	EVERSENDAI CORP	AA3	1,002,200	995,700	7.72%
700,000	GOLDEN ASSETS INTERNATIONAL	AA2s	700,630	694,190	5.38%
500,000	IMTIAZ SUKUK BHD	AA2s	500,000	500,200	3.88%
1,000,000	KAPAR ENERGY VENTURES	AA+is	1,013,470	1,003,300	7.78%
1,200,000	KIMANIS POWER	AA-is	1,215,168	1,222,920	9.49%
1,582,000	SABAH CREDIT CORPORATION	P1	1,553,238	1,570,033	12.18%
1,470,000	SARAWAK ENERGY	AA1	1,470,000	1,433,691	11.12%
400,000	TANJUNG BIN POWER	AA2	412,460	404,800	3.14%
1,400,000	UEM LAND HOLDINGS BHD	AA-is	1,400,000	1,398,460	10.85%
12,279,723			12,375,749	12,276,192	

## DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
400,000	CIMB ISLAMIC BANK	400,000	400,000	3.10%
400,000		400,000	400,000	

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Incorporated in Malaysia)  
INVESTMENT-LINKED FUNDS

**BUTIR-BUTIR PELABURAN (SAMBUNGAN)**

## 01. A-DANA INCOME FUND (SAMBUNGAN)

## SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
<b>PEMBINAAN</b>				
98,500	EVERSENDAI CORPORATION BERHAD	118,882	117,215	0.66%
105,200	GAMUDA BHD	442,866	500,752	2.81%
94,500	IJM CORPORATION BHD	519,523	552,825	3.11%
<b>PRODUK PENGGUNA</b>				
49,900	ORIENTAL HOLDINGS BHD	437,169	429,639	2.41%
13,700	UMW HOLDINGS BHD	182,605	170,428	0.96%
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
96,040	BIMB HOLDINGS BHD	331,549	431,220	2.42%
38,000	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BHD	219,062	399,760	2.25%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
110,800	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BHD	191,422	414,392	2.33%
80,900	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	518,516	546,075	3.07%
9,700	PETRONAS GAS BHD	186,046	231,442	1.30%
82,700	SUPERMAX CORPORATION BHD	175,843	221,636	1.24%
123,800	TOMYPAK HOLDINGS BHD	163,037	174,558	0.98%
15,000	TOP GLOVE CORPORATION BHD	83,975	85,800	0.48%
<b>SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR</b>				
125,332	DIGI.COM BHD	575,838	610,367	3.43%
122,800	TIME DOTCOM BHD	361,863	478,920	2.69%
<b>PERLADANGAN</b>				
99,100	IOI CORPORATION BHD	505,201	558,924	3.14%
12,700	KUALA LUMPUR KEONG BHD	276,481	312,420	1.75%
83,300	KULIM (M) BHD	301,942	306,544	1.72%
196,800	TDM BHD	117,450	191,880	1.08%

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**BUTIR-BUTIR PELABURAN (SAMBUNGAN)****02. A-DANA EQUITY FUND (SAMBUNGAN)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA (SAMBUNGAN)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
<b>HARTANAH</b>				
189,067	HUA YANG BHD	256,343	402,713	2.26%
71,600	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	162,177	230,552	1.29%
57,733	SUNWAY BERHAD	170,200	152,992	0.86%
92,000	UEM SUNRISE BERHAD	294,184	211,600	1.19%
88,800	UOA DEVELOPMENT BERHAD	177,140	176,712	0.99%
43,300	YNH PROPERTY BHD	84,112	75,775	0.43%
<b>TEKNOLOGI</b>				
214,200	GHL SYSTEMS BHD	121,751	168,147	0.94%
71,200	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	138,076	224,280	1.26%
<b>PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN</b>				
200,000	AIRASIA X BERHAD	252,500	208,000	1.17%
173,400	AXIATA GROUP BERHAD	1,067,928	1,165,248	6.54%
9,000	BERJAYA AUTO BERHAD	6,300	13,680	0.08%
9,400	BERJAYA FOOD BERHAD	15,840	15,604	0.09%
88,300	DIALOG GROUP BHD	215,919	263,134	1.48%
53,300	GAS MALAYSIA BERHAD	159,169	206,271	1.16%
419,200	MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BHD	132,996	132,048	0.74%
116,600	MAXIS BERHAD	712,804	819,698	4.60%
64,300	MBM RESOURCES BHD	238,985	230,837	1.30%
146,200	MEDIA CHINESE INTERNATIONAL	163,891	145,469	0.82%
78,300	MISC BHD	417,704	429,867	2.41%
83,700	PERISAI PETROLEUM TEKNOLOGI	99,172	122,202	0.69%
54,300	POS MALAYSIA BHD	202,913	325,800	1.83%
129,700	PRESTARIANG BERHAD	173,784	337,220	1.89%
169,714	SAPURAKENCANA PETROLEUM BHD	569,022	728,073	4.09%
85,300	SIME DARBY BHD	799,445	823,145	4.62%
86,300	TELEKOM MALAYSIA BHD	484,789	443,582	2.49%
138,200	TENAGA NASIONAL BHD	1,024,733	1,362,652	7.65%
56,768	UMW OIL & GAS CORPORATION BHD	173,567	193,011	1.08%
121,000	WESTPORTS HOLDINGS BERHAD	306,060	307,340	1.73%
81,800	YINSON HOLDINGS BHD	292,173	479,348	2.69%
173,200	YTL CORPORATION BHD	303,410	280,584	1.58%
<b>4,924,654</b>		<b>14,926,357</b>	<b>17,410,381</b>	

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**BUTIR-BUTIR PELABURAN (SAMBUNGAN)****02. A-DANA EQUITY FUND (SAMBUNGAN)****DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM (SAMBUNGAN)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
450,000	CIMB ISLAMIC BANK	450,000	450,000	2.53%
450,000		450,000	450,000	

**03. A-DALI EQUITY FUND****PELABURAN LAIN - MUTUAL FUND**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat (RM)	Nilai Pasaran (RM)	% Nilai Bersih Aset
427,804	CIMB ISLAMIC DALI EQUITY GROWTH	595,409	623,650	101.28%
427,804		595,409	623,650	

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**KENYATAAN OLEH PENGURUS**

Kami, Mohd Daruis bin Zanuddin dan William Lisle, dua orang Pengarah AIA AFG Takaful Bhd. ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 27 telah disediakan menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")

Bagi pihak Pengurus,

Mohd Daruis bin Zainuddin  
Pengarah

William Lisle  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
19 Februari 2014

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

**Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil:****A-Dana Equity****A-Dana Income****A-Dali Equity**

(selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

**Laporan ke atas Maklumat Kewangan**

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana, yang mengandungi penyata-penyata aset dan liabiliti sepertimana pada 30 November 2013, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan perubahan dalam nilai bersih aset Dana bagi tahun kewangan berakhir, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, seperti yang dibentangkan di mukasurat 20 hingga 27.

**Tanggungjawab Pengurus Bagi Maklumat Kewangan**

Pengarah-pengarah AIA AFG Takaful Bhd., sebagai Pengurus Dana, bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat kewangan ini menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 maklumat kewangan dan Garispanduan ke atas Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan bagi kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas dari salah nyata ketara samada disebabkan penipuan atau kesilapan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pandangan terhadap penyediaan maklumat kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini memerlukan kami untuk mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan sewajarnya bahawa maklumat kewangan adalah bebas daripada salah nyata ketara.

Audit membabitkan perlaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam maklumat kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata ketara dalam maklumat kewangan, samada kerana penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami menganggap kawalan dalaman sebagai berkaitan dengan penyediaan maklumat dan pembentangan sewajarnya terhadap maklumat kewangan Dana untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pandangan tentang keberkesanan kawalan dalaman Dana. Audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, dan juga menilai keseluruhan pembentangan maklumat kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menjadi asas bagi pandangan audit kami.

**924363-W**  
**AIA AFG TAKAFUL BHD.**  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
**DANA BERKAITAN PELABURAN**

**Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil:**

**A-Dana Equity**  
**A-Dana Income**  
**A-Dali Equity**  
(selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana") (sambungan)

**Pandangan**

Pada pandangan kami, maklumat kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan bagi Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh BNM.

**Perkara Lain**

Laporan ini dibuat semata-mata kepada pemegang sijil Dana, sebagai suatu badan menurut Garis Panduan bagi Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh BNM, dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF:1146)  
Akauntan Berkanun

SHIRLEY GOH  
(No. 1778/08/14(J))  
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia  
19 Februari 2014

**924363-W**  
**AIA AFG TAKAFUL BHD.**  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
**DANA BERKAITAN PELABURAN**

**PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 30 NOVEMBER 2013**

<b>Nota</b>	<b>A-Dana Income</b>		<b>A-Dana Equity</b>		<b>A-Dali Equity</b>	
	<b>2013</b> <b>(RM)</b>	<b>2012</b> <b>(RM)</b>	<b>2013</b> <b>(RM)</b>	<b>2012</b> <b>(RM)</b>	<b>2013</b> <b>(RM)</b>	<b>2012</b> <b>(RM)</b>
<b>ASET</b>						
Pelaburan			4			
- Sukuk korporat tidak disebutharga	12,276,192	9,651,753				
- Saham diluluskan Shariah disebutharga	-	-	17,410,381	9,195,538	-	-
- Lain-lain pelaburan	-	844,369	-	212,295	623,650	-
- Deposit dengan institusi kewangan Islam	400,000	340,000	450,000	240,000	-	-
Cukai aset tertangguh	7,965	-	-	-	-	-
Cukai semasa boleh diperolehi semula	-	-	-	5,752	-	-
Lain-lain terimaan	71,762	8,547	28,658	423,780	574	-
Pendapatan pelaburan belum diterima dan terakru	160,416	147,768	18,416	23,009	-	-
Jumlah belum diterima dari Pengurus	45,052	-	106,652	-	9,300	-
Tunai dan baki di bank	41,731	56,247	106,835	47,578	803	-
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>13,003,118</b>	<b>11,048,684</b>	<b>18,120,942</b>	<b>10,147,952</b>	<b>634,327</b>	<b>-</b>
<b>LIABILITI</b>						
Liabiliti cukai semasa	65,884	38,264	1,816	-	1,348	-
Liabiliti cukai tertangguh	-	29,470	198,722	40,565	2,259	-
Lain-lain bayaran	44,402	9,369	116,382	296,087	14,958	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>110,286</b>	<b>77,103</b>	<b>316,920</b>	<b>336,652</b>	<b>18,565</b>	<b>-</b>
<b>NILAI BERSIH ASET DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL</b>						
	<b>12,892,832</b>	<b>10,971,581</b>	<b>17,804,022</b>	<b>9,811,300</b>	<b>615,762</b>	<b>-</b>

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

Note	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-Dali Equity	
	2013	2012	2013	2012	08.01.2013 sehingga 30.11.2013	2012
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)

## DIWAKILI OLEH:

Nilai unit	11,562,821	9,963,787	14,946,999	9,262,772	579,796	-
Pendapatan tidak diedarkan dibawa kehadapan	1,330,011	1,007,794	2,857,023	548,528	35,966	-
	12,892,832	10,971,581	17,804,022	9,811,300	615,762	-
Unit-unit dalam edaran	22,357,076	19,559,111	27,127,605	17,904,878	1,111,233	-
Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil setiap unit	0.577	0.561	0.656	0.548	0.554	-

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013

	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-Dali Equity	
	2013	2012	2013	2012	08.01.2013 sehingga 30.11.2013	2012
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)

## Pendapatan pelaburan

- Keuntungan dari deposit dengan institusi kewangan Islam	22,704	11,973	21,530	27,070	-	-
- Pendapatan keuntungan dari Sukuk korporat tidak disebut harga	504,169	390,306	-	-	-	-
- Pendapatan dividen	19,847	46,196	342,315	184,164	27,874	-
Keuntungan atas perlupusan pelaburan kewangan	352,027	78,168	361,188	102,575	-	-
Keuntungan belum direalisasi atas pelaburan kewangan	-	213,331	1,976,961	411,625	28,241	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>898,747</b>	<b>739,974</b>	<b>2,701,994</b>	<b>725,434</b>	<b>56,115</b>	<b>-</b>

## Kerugian belum direalisasi atas pelaburan kewangan

Perbelanjaan pelaburan	467,929	-	-	-	-	-
Yuran pengurusan pelaburan	13,128	-	23,456	-	7,381	-
Lain-lain perbelanjaan	61,597	47,919	195,780	116,893	3,519	-
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>5,877</b>	<b>5,559</b>	<b>5,872</b>	<b>10,346</b>	<b>5,642</b>	<b>-</b>
	<b>548,531</b>	<b>53,478</b>	<b>225,108</b>	<b>127,239</b>	<b>16,542</b>	<b>-</b>

## Lebihan pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai

Percukaian	350,216	686,496	2,476,886	598,195	39,573	-
	(27,999)	(53,952)	(168,391)	(29,262)	(3,607)	-

## Lebihan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai

	322,217	632,544	2,308,495	568,933	35,966	-
--	---------	---------	-----------	---------	--------	---

## Pendapatan tidak diedarkan/(kerugian) dibawa kehadapan

	1,007,794	375,250	548,528	(20,405)	-	-
--	-----------	---------	---------	----------	---	---

## Pendapatan tidak diedarkan dibawa kehadapan

	1,330,011	1,007,794	2,857,023	548,528	35,966	-
--	-----------	-----------	-----------	---------	--------	---

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI BERSIH ASET DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013

	A-Dana Income		A-Dana Equity		A-Dali Equity	
	2013 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2012 (RM)
Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	10,971,581	8,761,039	9,811,300	5,393,487	-	-
Jumlah diterima dari pemegang sijil bagi pembentukan bersih unit-unit	1,980,860	1,730,444	6,378,645	4,441,824	582,832	-
Jumlah dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan bersih unit-unit	(381,826)	(152,446)	(694,418)	(592,944)	(3,036)	-
	12,570,615	10,339,037	15,495,527	9,242,367	579,796	-
Lebihan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai -(Kerugian)/keuntungan bersih direalisasi selepas cukai - Keuntungan bersih direalisasi selepas cukai	(430,495)	196,265	1,818,804	378,696	25,982	-
	752,712	436,279	489,691	190,237	9,984	-
<b>Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada tempoh/akhir tahun kewangan</b>	<b>12,892,832</b>	<b>10,971,581</b>	<b>17,804,022</b>	<b>9,811,300</b>	<b>615,762</b>	<b>-</b>

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - 30 NOVEMBER 2013

1. PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Dana-dana berkaitan pelaburan AIA AFG TAKAFUL BHD. ("Pengurus") mengandungi A-Dana Income, A-Dana Equity dan A-Dali Equity. (disini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

A-Dana Income Fund memberi tumpuan untuk memaksimumkan jumlah pulangan yang merangkumi kedua-dua pertumbuhan pendapatan dan modal terutamanya dengan melabur di dalam Sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran kewangan Islam di Malaysia di samping meminimumkan risiko pelaburan semula

A-Dana Equity Fund mensasarkan untuk menyediakan pertumbuhan jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam ekuiti diluluskan Shariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) dan sekuriti berkaitan ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia. Kedua-dua A-Dana Income Fund dan A-Dana Equity Fund telah ditubuhkan pada 1 Mac 2011.

A-Dali Equity Fund mensasarkan untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten untuk jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam ekuiti Patuh Shariah. Dana telah ditubuhkan pada 8 Jan 2013.

Pengurus Dana ialah AIA AFG Takaful Bhd., syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, terlibat terutamanya dalam menaja jamin perniagaan Takaful Keluarga dan perniagaan berkaitan pelaburan.

Aktiviti Dana dilaksanakan menurut keperluan prinsip-prinsip Shariah yang ketat dan akan dipantau oleh Jawatankuasa Shariah Pengurus Dana.

2. ASAS PENYEDIAAN

Maklumat kewangan telah disediakan menurut dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan ke atas Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Maklumat kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali sepetimana yang dinyatakan di dalam dasar perakaunan penting dalam Nota 3 maklumat kewangan.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan maklumat kewangan.

**(a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")**

Dana menetapkan pelaburan kewangannya ke dalam aset kewangan FVTPL pada permulaan di mana ia akan diuruskan dan dinilai berdasarkan nilai saksama, menurut strategi pelaburan dan mandat masing-masing.

Aset kewangan pada FVTPL pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada FVTPL diukur semula pada nilai saksama. Penyelaras nilai saksama serta keuntungan dan kerugian direalisasi yang tidak diiktiraf telah diiktiraf semula di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

**(b) Nilai saksama aset kewangan**

Nilai saksama Sukuk korporat tidak disebut harga dan pasaran kewangan Islam berdasarkan petunjuk harga saksama pasaran/indeks merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan dan broker.

Nilai saksama sekuriti disebut harga berdasarkan harga pasaran semasa. Jika pasaran bagi aset kewangan tidak aktif, Dana mewujudkan nilai saksama menggunakan teknik penilaian. Ini termasuklah menggunakan transaksi menjauhi terbaru ("arm length"), merujuk kepada instrumen lain yang sebahagian besarnya adalah sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model harga opsyen.

Tunai dan setara tunai dengan institusi kewangan berlesen dinyatakan pada anggaran jumlah yang dibawa sepetimana pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti.

**(c) Tunai dan Setara Tunai**

Tunai dan setara tunai mengandungi tunai di tangan, deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang asal selama tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

**(d) Liability kewangan**

Semua liabiliti kewangan pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Bagi pengiktirafan awal seterusnya, liabiliti kewangan dibawa pada kos perlunasan menggunakan kaedah kadar faedah berkuatekuasa.

**(e) Yuran Pengurusan**

Yuran pengurusan dikira secara harian berdasarkan nilai bersih aset Dana.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.  
(Ditubuhkan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****(f) Pembentukan bersih unit-unit**

Pembentukan bersih unit-unit mewakili sumbangan Takaful yang dibayar oleh pemegang sijil sebagai bayaran bagi kontrak baru atau bayaran seterusnya bagi meningkatkan kontrak ditolak pertukaran antara Dana. Pembentukan unit-unit bersih diiktiraf atas dasar penerimaan.

**(g) Pembatalan bersih unit-unit**

Pembatalan bersih unit-unit mewakili pembatalan unit-unit yang timbul dari serahan dan pengeluaran oleh pemegang sijil. Pembatalan unit bersih diiktiraf apabila serahan kontrak Takaful yang berkaitan.

**(h) Percukaian**

Cukai pendapatan ke atas Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan mengandungi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi keuntungan boleh cukai untuk tahun kewangan dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti.

Cukai tertunda diperuntukkan, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa masing-masing dalam maklumat kewangan. Pada hakikatnya liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, setakat terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan diperolehi untuk menolak perbezaan sementara tersebut.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka berkuatkuasa dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

**(i) Pendapatan diiktiraf**

Pendapatan dividen dari instrumen ekuiti ditetapkan pada FVTPL diiktiraf sebagai pendapatan pelaburan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, umumnya apabila sekuriti menjadi tanpa-dividen atau hak untuk menerima bayaran diwujudkan.

Pendapatan keuntungan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan menggunakan kaedah keuntungan berkuatkuasa.

**924363-W**

AIA AFG TAKAFUL BHD.

(Ditubuhkan di Malaysia)

DANA BERKAITAN PELABURAN

NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**4. PELABURAN**

Butir-butir pelaburan Dana dinyatakan pada mukasurat 13 hingga 16 laporan prestasi dana.

**5. JADUAL PRESTASI**

Butir-butir jadual perbandingan prestasi Dana dinyatakan pada mukasurat 7 hingga 12 laporan prestasi dana.

**6. PERBANDINGAN**

Tiada perbandingan angka dibentangkan bagi Penyata Aset dan Liabiliti, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, dan Penyata Perubahan dalam Nilai Bersih Aset bagi A-Dali Equity Fund oleh kerana ini adalah set yang pertama maklumat kewangan yang disediakan dari tarikh diwujudkan hingga 30 November 2013.